

3757/2

Ekonomi

Asas

Kertas 2

2 jam

SMK RAWANG SELANGOR

## PERCUBAAN SPM 2009

---

### EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **bahagian A** dan **bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** terdiri daripada lima soalan. Jawab mana-mana **tiga** soalan.*
3. ***Bahagian B** hanya ada **satu** soalan. **Soalan ini wajib dijawab.***
4. *Penggunaan kalkulator saintifik dibenarkan.*

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

## Bahagian A


Jawab 3 soalan sahaja

1a Berdasarkan gambar dibawah, jawab soalan soalan berikut:

Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan unit-unit ekonomi.




Gambar 1



Gambar 2

- i. Nyatakan unit unit ekonomi di Gambar 1 dan Gambar 2 (2m)
- ii. Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit unit ekonomi tersebut (10m)


b) Gambar dibawah menunjukkan dua jenis pekerjaan En Razif.

**Maklumat Tambahan**

Gaji: RM3 000 sebulan

Lokasi: Kuala Lumpur

Tempoh berkhidmat: Januari 2007 - Disember 2008

**Maklumat Tambahan**

Gaji: RM1 800

Lokasi: Kuala Terengganu

Tempoh berkhidmat: Januari 2009 - sekarang

Terangkan sebab sebab pemilihan pekerjaan En Razif daripada pekerjaan yang lama kepada yang baru.

(8m)

c. Bezakan antara air sungai dengan air paip dari sudut ekonomi (Max 5m)

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

- 2 a. En. Hanif bertugas sebagai penolong pengurus jualan di sebuah syarikat swasta dan menerima gaji sebanyak RM4400 sebulan. Beliau mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan 3 orang anak perempuan. Anak-anaknya masing-masing berumur 16, 11 dan 7 tahun.

Ibu En. Hanif tinggal bersama dan menghidap penyakit lelah. En. Hanif membelanjakan RM900 setahun sebagai kos rawatan ibunya. En. Hanif juga membayar sejumlah RM1050 lagi sebagai premium insurans nyawa untuk diri sendiri. Sebagai seorang pekerja, En. Hanif juga mencarum kepada KWSP sebanyak RM5808.

Berdasarkan senario diatas, kirakan

- (a) Jumlah pelepasan cukai En. Hanif. [6 markah]  
 (b) Jumlah pendapatan boleh cukai En. Hanif. [3 markah]  
 (c) Jumlah Cukai Pendapatan En. Hanif. [5 markah]  
 (d) Jumlah Pendapatan boleh guna En. Hanif. [4 markah]

**Nota:**

Jadual Kadar Cukai Pendapatan dan Pelepasan Cukai Pendapatan Perseorangan.

Pengiraan cukai pendapatan	Pendapatan boleh cukai (RM)	Kadar (%)
Di atas setiap Ringgit yang pertama	2 500	0
Di atas setiap Ringgit yang berikut	2 500	1
Di atas setiap Ringgit yang berikut	15 000	3
Di atas setiap Ringgit yang berikut	15 000	7
Di atas setiap Ringgit yang berikut	15 000	13
Di atas setiap Ringgit yang berikut	20 000	19
		<b>RM</b>
Di atas setiap Ringgit yang berikut	150 000	27
Di atas setiap Ringgit yang berikut	250 000	28

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Butir-butir	
Diri	8 000
Isteri	3 000
Anak di bawah umur 18 tahun	800 seorang
Anak di universiti atau kolej tempatan	3 200 seorang
Anak di universiti atau kolej luar negeri	1 600 seorang
Perubatan ibu bapa	5 000 maksimum
Caruman KWSP dan premium insurans nyawa	5 000 maksimum

b. Maklumat yang berikut merupakan senarai pendapatan dan perbelanjaan bagi Encik Malik pada bulan April.

BUTIRAN	JUMLAH (RM)
Gaji bulanan	1900
Komisen	300
Bonus	200
Ansuran kereta	450
Bil utiliti	160
Rawatan perubatan	300
Makanan	800
Zakat	80
PERKESO	10
Derma	300
Akhbar dan majalah	160
KWSP	260
Cukai pendapatan	50


- Hitung pendapatan boleh guna Encik Malik dan terangkan keadaan perbelanjaannya. (2 m)
- Sediakan penyata anggaran belanjawan Encik Malik yang terancang untuk bulan Mei. (5 m)

Dapatkan skema Jawapan di Laman

3.a Terangkan mengapa keluk permintaan dibawah beralih kekanan dari D ke D1(10m)

Harga

(RM)



b.

Upah buruh (RM)	Jumlah buruh diminta (RM juta)	Jumlah buruh ditawarkan (RM juta)
400	200	80
450	170	120
500	140	165
550	110	210

Berdasarkan skala 2cm : 50 unit paksi harga dan 2cm : 50unit pada paksi kuantiti, lukiskan keluk keseimbangan pasaran. Berdasarkan keluk yang anda lukis itu, terangkan proses penentuan tingkat upah dan kuantiti keseimbangan.(15m)

4 a. Senaraikan 5 ciri wang (5m)

b. Terangkan tentang perkhidmatan bank perdagangan (10m)

c.)

Bank pusat *menaikkan* kadar rizab tunai  
daripada 12.5% kepada 13.5%

Berdasarkan tindakan di atas,

i. Jelaskan keadaan ekonomi pada ketika itu (3m)

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

- ii Mengapa bank pusat bertindak demikian (3m)
- iii Bagaimana **kerajaan** boleh mengawal keadaan itu melalui dasar belanjawan negara. (4m)

5.a Jadual : Eksport dan Import Malaysia bagi tahun 2002

Jenis	Eksport (RM Juta)	Import (RM Juta)
Barang	349 471	281 281
Perkhidmatan:		
Pengangkutan	10 640	23 645
Perjalanan	28 631	10 473
Perkhidmatan	19 819	33 692
Urusniaga	492	467
Pendapatan:		
Pampasan pekerja	1 489	2 636
Pendapatan pelaburan	5 710	32 343
Pindahan semasa	2 059	10 542

(Sumber : Diubahsuai daripada laporan ekonomi 2002)

- 5 a) Berdasarkan Jadual di atas, hitungkan
- (i) Imbangan Dagangan (2 m)
- (ii) Imbangan Akaun Semasa (6 m)
- b i Terangkan empat kepentingan pertukaran asing kepada sesebuah negara. (8m)
- ii. Seorang pengimport Britain hendak mengimport perabot kayu getah dari Malaysia bernilai RM 940, 000.
- Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran diantara Pound Sterling dan Ringgit Malaysia bagi bulan Jun dan Disember.

Bulan	Matawang	Pound Sterling
	Januari	
Disember		RM 6.94

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- (i) Hitungkan nilai import tersebut dalam pound sterling pada bulan Januari.  
(2m)
- (ii) Terangkan kesan perubahan kadar pertukaran bulan Disember ke atas imbalan dagangan Malaysia.  
(7m)

**Bahagian B**

**Soalan Wajib**

**Arahan : Jawab soalan di bawah**

- 6 Encik Razi seorang graduan lulusan universiti tempatan telah menubuhkan Syarikat Razi Sdn.Bhd. Bermodalkan RM 30000 beliau merancang ingin mengusahakan perniagaan perabot dan perniagaan percetakan. Perniagaan perabot memerlukan beliau melabur sebanyak RM30000 dengan jangkaan pulangan RM36000. Manakala dalam perniagaan percetakan beliau perlu melabur sebanyak RM25000 dengan jangkaan pulangan sebanyak RM26000.

Sementara itu institusi kewangan dalam negara menawarkan kadar faedah pinjaman yang rendah. Sehubungan dengan itu, Syarikat Razi Sdn Bhd telah merancang membesarkan pelaburan perniagaannya bertujuan mengambil peluang tersebut. Pihak syarikat telah memohon pinjaman bercagar sebanyak RM60000 daripada sebuah bank perdagangan.

Setelah beroperasi selama 5 tahun, syarikat beliau mendapat keuntungan yang lumayan setiap tahun. Oleh itu syarikat beliau mesti membayar cukai daripada keuntungan tersebut. Untuk mengurangkan beban bayaran cukai tersebut syarikat beliau membuat keputusan menaikkan harga barangan keluaran yang dijual kepada pembeli di pasaran..

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Berjayakah En.Razi melaksanakan rancangannya mengusahakan perniagaan perabot dan perniagaan percetakan ?  
Beri alasan anda. (7 markah)
- b) (i) Jelaskan 2 cara lain Bank Perdagangan tersebut memberi pinjaman kepada Syarikat Razi Sdn.Bhd? (6 markah)
- (ii) Adakah anda bersetuju dengan rancangan membesarkan pelaburan perniagaan oleh Syarikat Razi Sdn.Bhd merujuk petikan di atas?  
Mengapa. (7 markah)
- c) Bincangkan tindakan syarikat menaikkan harga barang keluarannya seperti situasi di atas. (5 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)